



**PENYERTAAN PAVILION KEMENTERIAN PERTAHANAN
DI PAMERAN DSA 2024 & NATSEC ASIA 2024 DI MITEC, KUALA LUMPUR**

1. Bahagian Industri Pertahanan (BIP), Kementerian Pertahanan (MINDEF) selaku urusetia induk *Malaysia Industry Council for Defence, Enforcement and Security* (MIDES) akan membangunkan sebuah Pavilion Kementerian Pertahanan di Pameran *Defence Services Asia (DSA) and National Security* (NATSEC) Asia 2024 pada 6 hingga 9 Mei 2024, bertempat di MITEC, Kuala Lumpur.
2. Pavilion MINDEF ini akan menjadi *one stop centre* bagi mempamerkan fungsi dan perkhidmatan yang dilaksanakan oleh Jabatan-jabatan serta Agensi di bawah MINDEF kepada pengunjung pameran yang berkunjung selain mempromosikan MIDES serta perkhidmatan/inisiatif yang ditawarkan di bawah Kementerian Pertahanan. Pelbagai program dirancang sepanjang pameran ini berlangsung bagi memberi pendedahan kepada pengunjung yang akan hadir termasuklah sesi *Networking* serta *Government to Government (G2G) Programme, Pocket Talk, ATM Innovation Product View* dan beberapa program lain yang dirancang.
3. Majlis Pelancaran Pavilion MINDEF semasa penganjuran Pameran DSA & NATSEC Asia 2024 ini disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan pada 6 Mei 2024 serta dihadiri oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Panglima Angkatan Tentera, Pengurusan Tertinggi Kementerian Pertahanan dan Pengurusan Tertinggi Angkatan Tentera Malaysia.

-TAMAT-